

# Pelajar UMS mahu guna teknologi

2 Julai 2003

## akuakultur

Berita Harian **B7**

PELAJAR Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengikuti latihan perindustrian 11 minggu di Jepun, baru-baru ini, bertekad mempraktikkan teknologi dipelajari untuk kemajuan sektor akuakultur negara.

Selama hampir tiga bulan berada di negara matahari terbit itu, semua 13 pelajar yang mengikuti latihan di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) itu didedahkan dengan teknologi moden dan canggih dalam bidang berkenaan.

Pelajar sulung IPMB itu mengadakan latihan di Shirahama and Uragami Fisheries Laboratories of Kinki University, Wakayama dan dua pusat akuakultur swasta, iaitu Kansai Bussan dan Yoshikawa Suisan di Kagawa.

Beberapa pelajar yang ditemui *Berita Harian* di pusat pembiakan ikan IPMB, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu berkata, kunjungan ke negara itu membolehkan mereka mempraktikkan teori dipelajari.

Khoo Boon Wah, menyifatkan pelajar IPMB yang mengikuti latihan perindustrian itu beruntung kerana didedahkan dengan pelbagai kepakaran, termasuk pembiakan ikan tuna.

Katanya, teknologi digunakan di negara itu serba moden dan canggih, sekali gus kepakaran berkenaan boleh dipindahkan ke negara ini dengan menjadikan UMS sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Beliau berkata, sepanjang berada di negara berkenaan, pelajar terbabit didedahkan pelbagai kemahiran pembiakan dan penjagaan sumber marin menggunakan kaedah moden dengan hampir keseluruhannya memanfaatkan teknologi terkini.